

NO SOALAN :30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG
(WANGSA MAJU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12.03.2015

Y.B. DATO' DR. TAN KEE KWONG [WANGSA MAJU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah wujud sebarang urusan niaga atau kaitan antara 1MDB dan usahawan popular, Low Taek Jho.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Encik Low Taek Jho tidak pernah bekerja di 1MDB dan semua keputusan dan urusan niaga 1MDB dibuat oleh pengurusan dan lembaga pengarah 1MDB.

SOALAN (31)**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12 MAC 2015
[KHAMIS]

DARIPADA : Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTAJAM]

SOALAN :-

Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status janji Kerajaan semasa PRU-13 untuk memberikan rumah kepada penduduk Kampung Tok Subuh di Bukit Mertajam. Bilakah perumahan tersebut akan dibina dan diberikan kepada keluarga peneroka yang kini diusir oleh pemilik tanah swasta di situ.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan bagi pembinaan projek Program Perumahan Rakyat (PPR) Kampung Tok Subuh telah diluluskan dengan syarat oleh Majlis Perbadaran Seberang Perai (MPSP) pada 9 Februari 2015. Projek dijangka dapat dimulakan dalam tahun 2015 dan dijangka disiapkan pada tahun 2017.